JAIS (tiga dari kiri) bersama Samsul (kiri) dan pasukan juara di Stadium Tertutup Kluang.

42 pasukan hoki berentap

Cungkil bakat muda, galak gaya hidup sihat

Adnan Ibrahim
am@hmetro.com.my

> "Jika mahu berlatih di padang hoki sebenar, kami terpaksa ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Parit Raja, namun bergantung kepada kebenaran pengurusan universiti terbabit"
>
> *Samsul Harul*

Kluang

Sebanyak 42 pasukan hoki kategori bawah 12 tahun, bawah 18 tahun dan terbuka menyertai Kejohanan Hoki Tertutup Kluang dan Jemputan Antarabangsa 2016 di Stadium Tertutup Kluang di sini, baru-baru ini.

Pengerusi Persatuan Hoki Kluang, Samsul Harul berkata, kejohanan yang julung kali dianjurkan pihaknya itu turut disertai dua pasukan dari Indonesia sebagai pasukan jemputan antarabangsa.

Katanya, kejohanan yang lebih menitikberatkan pemain bawah umur 18 dan 12 tahun itu bertujuan untuk mencungkil seberapa ramai golongan muda yang berbakat dalam sukan itu untuk diserapkan ke dalam pasukan hoki Daerah Kluang.

"Apabila kita sudah mempunyai pemain berbakat seawal usia 12 tahun, ia secara tidak langsung dapat membantu melahirkan barisan pelapis yang berwibawa untuk mengisi kekosongan yang diperlukan.

"Namun, lebih utama adalah kejohanan ini juga dapat mengajak generasi muda untuk mengamalkan gaya hidup sihat," katanya ketika ditemui selepas majlis penutupan yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Md Jais Sarday, baru baru ini.

Samsul berharap diwujudkan sekurang-kurangnya satu padang hoki astroturf yang sempurna dan mengikut ukuran sebenar di Daerah Kluang bagi membolehkan peminat hoki bermain di padang sebenar.

"Padang sedia ada di Kelab Hoki Kluang tidak mengikut ukuran sebenar selain sudah lama rosak dan keadaan ini memaksa kami mengadakan perlawanan seperti ini di atas padang rumput mahu pun gelanggang rata seperti dalam Stadium Tertutup Kluang.

"Jika mahu berlatih di padang hoki sebenar, kami terpaksa ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Parit Raja, namun bergantung kepada kebenaran pengurusan universiti terbabit," katanya.